



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA UBAH SUAI TINGKAT BAWAH PIHAK BERKUASA
PERANTI PERUBATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

NO. SEBUT HARGA : MDA/SH/05/2023

1. Tawaran Sebut Harga adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah digunakan seperti berikut:-

KELAYAKAN KONTRAKTOR	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA
i. Sijil CIDB Gred G2 ii. Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) iii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) – Kategori B : Pengkhususan B28 iv. Sijil Taraf Bumiputera	Tarikh: 20 September 2023 Masa: Jam 10.00 pagi Tempat: Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras G, Prima 9, Prima Avenue II, Blok 3547, Persiaran APEC, 63000 Cyberjaya.

2. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat mulai **15 September 2023 (Jumaat)** sehingga **27 September 2023 (Rabu)** di Pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan dengan harga **RM10.00 (RINGGIT MALAYSIA: Sepuluh Sahaja)** senaskah. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Bank Deraf** atas nama **Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan**. Wang Tunai/Cek tidak diterima.
3. Kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah menunjukkan **SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Sebut Harga.
4. Dokumen tawaran sebut harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga ke dalam peti sebut harga yang ditempatkan di pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (Medical Device Authority (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II, Blok 3547 Persiaran Apec, 63000 Cyberjaya, Selangor. Penyebut harga hendaklah mengemukakan Cadangan Sebut Harga **sebanyak 1 salinan sebelum atau jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga iaitu pada 27 September 2023 (Rabu)**. Tawaran Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.